

NO SOALAN :125

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR
(KULIM BANDAR BAHARU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status wang deposit yang telah dibayar sebelum ini oleh 1MDB kepada Aabar Investment PJS Ltd atau Aabar BVI melalui empat transaksi seperti direkodkan dan apakah asas Kerajaan untuk bersetuju dengan penyelesaian luar mahkamah mengenai isu antara 1MDB dan IPIC walaupun Menteri Kewangan Kedua menyatakan bahawa kita mempunyai bukti-bukti yang kukuh untuk menang sekiranya kes ini dibawa ke mahkamah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana yang telah diumumkan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan International Petroleum Investment Company (IPIC) mencapai persetujuan bagi penyelesaian membabitkan prosiding timbang tara di Mahkamah Timbangtara Antarabangsa London.

Syarat-syarat penyelesaian itu antara lainnya adalah 1MDB akan membuat pembayaran tertentu kepada IPIC dan akan bertanggungjawab terhadap semua pembayaran faedah akan datang dan pembayaran prinsipal bagi 2 bon terbitan syarikat-syarikat Kumpulan 1MDB yang berakhir pada 2022. Pihak IPIC masih lagi kekal sebagai penjamin ke atas kedua-dua bon tersebut.

Tanggungjawab ini akan dipenuhi oleh 1MDB daripada sumber syarikat, antara lain, menerusi usaha pengewangan unit dana pelaburan yang dimilikinya.

Di samping itu, pihak 1MDB dan IPIC telah bersetuju untuk melaksanakan rundingan secara jujur (*good faith negotiations*, dengan izin) berkenaan dengan wang yang telah dibayar oleh 1MDB kepada entiti-entiti tertentu.

Penyelesaian timbang tara ini memaparkan resolusi kepada

satu cabaran besar yang dihadapi oleh 1MDB.